

<b>Headline</b>	<b>Sukarelawan Kospen Plus bantu saring kesihatan</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>11 Feb 2018</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>160,000</b>	<b>Readership</b>	<b>509,000</b>
<b>Section</b>	<b>Selangor &amp; KL</b>	<b>Page No</b>	<b>51</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>213 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 10,899</b>		



## Sukarelawan Kospen Plus bantu saring kesihatan

**KUALA TERENGGANU**—Hampir 500 kakitangan pelbagai agensi di Kuala Terengganu menjadi sukarelawan Komuniti Sihat Perkasa Negara (Kospen) Plus sejak mula diperkenalkan pada 2016.

Pegawai Perubatan dan Kesihatan Daerah Kuala Terengganu, Dr Hazmuhamin Hashim berkata, sukarelawan itu bertindak sebagai ejen bagi menggerakkan kakitangan di agensi masing-masing ke arah gaya hidup sihat dan seterusnya mencegah penyakit tidak berjangkit.

Menurutnya, sebelum ini Kospen dilaksanakan di peringkat komuniti pada 2013, sebelum dikembangkan di peringkat agensi kerajaan, badan berkanun dan swasta untuk terlibat sama dalam program itu di tempat kerja.

“Di Kuala Terengganu, kita ada lima agensi yang terlibat iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Terengganu, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS), Ibu Pejabat Polis Kontinen Terengganu dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Terengganu.

“Wakil kesihatan akan bertindak sebagai fasilitator dan sukarelawan ini sebagai ejen perubahan kesihatan yang akan membantu jalankan aktiviti program kesedaran, promosi, saringan kesihatan dan pengesanan aktif faktor risiko penyakit, kita ada modul lengkap untuk sukarelawan ini.



**HAZMUHAMIN**

“Bagi agensi yang ingin menyertai, mereka perlu bersedia dan sanggup sediakan peralatan sendiri,” katanya ketika ditemui media selepas perasmian Hari Sihat 3.0 dan Pelancaran Kospen Plus CIDB Terengganu di Menara YAYASAN Islam Terengganu di sini, semalam.

Program itu anjuran bersama CIDB, Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Terengganu dan Hospital Sultanah Nur

Zahirah dan turut dihadiri Pengarah CIDB Terengganu, Annis Othman dan Pegawai Kesihatan Daerah Kuala Terengganu, Dr Fatimah Muda.

Jelas Dr Hazmuhamin, setiap tahun pihaknya menyasarkan minimum dua agensi terlibat dengan Kospen Plus dan tahun ini pihaknya sasarkan dua lagi agensi iaitu Pejabat Daerah Kuala Terengganu dan Tenaga Nasional Berhad.

“Program ini sebenarnya sangat bagus dan berjaya. JBPM Terengganu misalnya, mereka ada polisi agar semua kakitangan mereka mempunyai BMI tidak lebih 30. Tahun lepas, kita buat program pengurusan berat badan untuk mereka dan ramai yang turun berat badan,” katanya.

Sementara itu, Annis berkata, lima kakitangan CIDB telah dilantik untuk menjadi sukarelawan Kospen Plus bagi membuat pemantauan kesihatan staf-staf lain.

“Setiap bulan, mereka akan periksa tahap kesihatan dalam kalangan kakitangan CIDB seperti paras gula dalam darah dan tekanan darah,” katanya.